

17/11/1999

Pas tiada isu besar perleceh Umno, BN

Fazli Arman

PILIHAN raya umum 1999 akan menyaksikan kemampuan Perlis membersihkan dirinya daripada dicemari pengaruh Pas. Azam Umno yang menjadi tunjang kepada BN ialah untuk merampas semula kerusi Parlimen Arau yang dimenangi Pas dalam pilihan raya kecil Julai tahun lalu. Dengan menggerakkan semua jentera parti, Umno akan membuktikan slogan Pas iaitu 'Reformasi Bermula di Arau' hanya menjadi mimpi di siang hari parti pembangkang itu.

Pertembungan kali ini bukan saja menjadi medan bagi BN dan Umno untuk mengubat luka, malah Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim mahu menutup mulut pengkritiknya.

Bermula dari situ, Menteri Besar mengatur pelbagai program mendekati masyarakat seperti mengadakan Hari Rakyat hampir setiap hari untuk mendengar sendiri rasa tidak puas hati mereka terhadap kerajaan.

Rumusan daripada perjumpaan itu - kebanyakan rakyat di Perlis sebenarnya tidak menghadapi masalah. Cuma, mereka dikelirukan dengan pelbagai tuduhan yang dilemparkan kepada kerajaan negeri dan Shahidan sendiri.

Terbukti, kekalahan BN di Arau adalah kejayaan pembangkang menabur fitnah. Ketika itu BN terjerat dengan isu nepotisme dan kronisme apabila Ketua Pemuda Arau yang kebetulan adik kepada Shahidan dipilih sebagai calon BN.

Peristiwa itu sudah berlalu. Kini, BN perlu menggerakkan jentera pilihan raya untuk terus memerangi fitnah yang disebarkan pembangkang.

Bagi pilihan raya umum kali ini, BN sudah cukup bersedia, termasuk melancarkan gerakan menentang pembangkang berasaskan strategi 'terang, serang dan perang'.

Suatu kajian menyeluruh terhadap kecenderungan mengundi bagi setiap penduduk yang layak sudah dijalankan jentera BN yang mana hasilnya dikatakan setiap kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah kawasan putih bagi BN walaupun pada awalnya dua DUN dikategorikan sebagai kelabu.

Walaupun semua kawasan sudah dianggap selamat, BN masih perlu memberi perhatian serius terhadap beberapa kawasan, terutamanya Guar Sanji yang mana calonnya hanya menang dengan majoriti 298 undi pada pilihan raya umum 1995, Simpang Empat (939), Sanglang (246).

Peningkatan sokongan kepada BN dapat dilihat sejak kebelakangan ini, termasuk dari kalangan mereka yang disifatkan sebagai pengundi atas pagar, malah dari penyokong Pas sendiri.

Sebaliknya, Pas di Perlis lebih tertekan apabila pelbagai isu timbul, termasuk menggugurkan cadangan menubuhkan negara Islam dalam manifesto bersama Barisan Alternatif dan kesediaan Mursyidul Am parti itu, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menerima bukan Islam sebagai Perdana Menteri melonggarkan kesetiaan ramai ahlinya.

Bagi peringkat negeri pula, Pas melakukan kesilapan besar apabila mengundang seorang bukan Islam berceramah di atas pentasnya dengan mengeluarkan kata-kata kesat, termasuk mengkafirkan Umno.

Pas mungkin bertujuan menarik minat dan sokongan bukan Islam terhadap parti itu, selain membawa pengertian kalau bukan Islam pun menyokong Pas, mengapa orang Islam mesti menyokong Umno.

Malangnya, penceramah itu terlalu lancang sehingga menimbulkan rasa tidak senang di kalangan sebilangan ahli Pas. Malah, Pesuruhjaya Pas Perlis, Hashim Jasin juga tidak setuju dengan cara penceramah itu berucap tetapi masih mempertahankannya dengan menyatakan 'dia adalah pemandu yang

masih memegang lesen L'.

Bertitik tolak dari segala masalah itu, segelintir ahli Pas mula memberontak secara senyap, termasuk berjumpa dengan ketua Pas Baru, Zainal Abiden Yusoff, di Kelantan untuk menubuhkan parti itu di Perlis.

Pas di Perlis kini ketandusan isu apabila fitnah yang ditabur selama ini seperti cukai dusun, penindasan terhadap rakyat yang tanahnya diambil untuk pembinaan lebuh raya dan Shahidan mengutamakan kroni sudah dijawab dengan jelas.

Oleh itu, tidak hairanlah jika Pas yang sebelum ini begitu yakin dapat menawan lapan daripada 15 kerusi DUN serta kekal di Parlimen Arau tidak begitu lantang memperkatakan hal itu lagi.

Bagi BN, calon yang akan diketengahkan bagi menandingi Pas ialah tokoh yang berilmu dan paling utama, individu itu komited terhadap perjuangan parti serta mempunyai kemampuan untuk bersama-sama memajukan Perlis.

Menteri Besar memberi bayangan akan berlaku perubahan dalam senarai calon BN yang mana antara 30 hingga 50 peratus adalah muka baru. Pemuda Umno negeri sebelum ini sudah mengemukakan beberapa nama, antaranya ialah Ketua Pemuda, Zahidi Zainul Abidin; Ismail Kassim (Ketua Pemuda Arau) dan Jamil Saad (Ketua Pemuda Kangar) manakala nama Pengerusi 4B negeri, Hashim Suboh, turut disebut. Wanita Umno pula menyerahkan kepada budi bicara Menteri Besar.

Kemungkinan juga beberapa ahli veteran BN akan dipanggil semula, kata beberapa pemerhati politik termasuk bekas Menteri Besar, Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh yang akan bertindak sebagai calon `payung terjun'.

Ditinjau dari sudut politik setempat dan nasional, Pas sudah tiada isu besar untuk memperlecehkan Umno dan BN di Perlis, sebaliknya parti itu yang lebih tertekan kerana menghadapi pelbagai kecelaruan sejak akhir-akhir ini.

Dari segi pembangunan, kerajaan BN dapat memastikan projek berjalan dengan lancar termasuk membuka Maktab Perguruan Perlis baru-baru ini manakala projek yang sedang berjalan ialah Institut Latihan Perindustrian (ILP), Pusat Latihan Belia, politeknik kota, pusat matrikulasi dan lebuh raya antara Bukit Kayu Hitam dan Padang Besar.

Mengambil kira segala faktor itu, tiada alasan untuk BN tewas di Perlis kalau jenteranya bergerak dengan berkesan.

Kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa BN akan memberi tumpuan khusus kepada empat negeri, termasuk Perlis kerana menjadi sasaran fitnah pembangkang mungkin dapat memantapkan lagi jentera BN di negeri ini.

(END)